




UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-47
(20 Februari 2020)

Agenda 9.1: Hal-Hal Lain
Dasar UPM (Sistem Pengurusan Kualiti & Sistem
Pengurusan Keselamatan Maklumat) 2019

**Dasar Sistem Pengurusan
Kualiti terkini telah dibuat
oleh Lembaga Pengarah
Universiti pada
10 Disember 2019**



Pemansuhan
Dasar Universiti Putra Malaysia
(Sistem Pengurusan Kualiti) 2017
yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
dalam Mesyuarat LPU pada 20 Jun 2017
(Minit LPU ke-119) adalah dimansuhkan.

(Nota: LPU adalah pemegang kuasa pembuat dasar)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20(1) Perlembagaan UPM,
Lembaga Pengarah Universiti membuat Dasar berikut:

**DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(SISTEM PENGURUSAN KUALITI) 2019**

Pekerja Universiti Putra Malaysia komited dalam mencapai kecemerlangan melalui
penerapan budaya kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan
perkhidmatan sokongan untuk mencapai matlamat pelan strategik universiti.

Pekerja Universiti Putra Malaysia akan sentiasa melaksanakan tanggungjawab dalam
mencapai objektif kualiti yang ditetapkan, serta memastikan objektif tersebut dikaji dari
semasa ke semasa supaya selaras dengan visi, misi dan matlamat UPM.

Pemansuhan

Dasar Universiti Putra Malaysia (Sistem Pengurusan Kualiti) 2017 yang dibuat oleh
Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam Mesyuarat LPU pada 20 Jun 2017 (Minit
LPU ke-119) adalah dimansuhkan.

Dibuat 10 Disember 2019
[Minit Mesyuarat LPU 138/04]
[UPM/PPUU/100-1/1/2 (DasarQMS/UPM.CQA.100-13/1/3]

TAN SRI DR. GHAUTH JASMON
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 20(1) Perlembagaan UPM,
Lembaga Pengarah Universiti membuat Dasar berikut:

DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT) 2019


Universiti Putra Malaysia beritizam mengadakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang berkesan melalui:

- a. pematuhan kepada kehendak organisasi dan perundangan serta peraturan;
- b. pembangunan objektif dan matlamat berdasarkan objektif keselamatan;
- c. komitmen bagi memenuhi keperluan berkaitan keselamatan maklumat;
- d. penilaian semula dan pengubahsuaian dasar, objektif dan sasaran untuk penambahbaikan berterusan.


Pemansuhan

Dasar Universiti Putra Malaysia (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat) 2014 yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam Mesyuarat LPU pada 9 Disember 2014 (Minit LPU ke-103) adalah dimansuhkan.

Dibuat 10 Disember 2019
[Minit Mesyuarat LPU 138/04]
[JUPM/PPUU/100-1/1/2 (DasarISMS/UPM.CQA.100-13/1/3]



TAN SRI DR. GHAUTH JASMON
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Putra Malaysia



**Dasar Sistem Pengurusan
Keselamatan Maklumat
terkini telah dibuat oleh
Lembaga Pengarah Universiti
pada
10 Disember 2019**

Pemansuhan

Dasar Universiti Putra Malaysia (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat) 2014 yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dalam Mesyuarat LPU pada 9 Disember 2014 (Minit LPU ke-103) adalah dimansuhkan

(Nota: LPU adalah pemegang kuasa pembuat dasar)

(QMS) Standard ISO 9001:2015

5.2 Dasar

5.2.1 Membangunkan dasar kualiti

Pengurusan atasan hendaklah mewujudkan, melaksanakan dan menyelenggarakan dasar kualiti yang:

- a) sesuai dengan tujuan dan konteks organisasi serta menyokong hala tuju strategiknya;
- b) menyediakan rangka kerja untuk menetapkan objektif kualiti;
- c) mengandungi komitmen untuk memenuhi keperluan berkenaan;
- d) mengandungi komitmen untuk menambah baik secara berterusan sistem pengurusan kualiti.

5.2.2 Mengkomunikasikan dasar kualiti

Dasar kualiti hendaklah:

- a) tersedia dan diselenggarakan sebagai maklumat didokumentasikan;
- b) dikomunikasikan, difahami dan diguna pakai dalam organisasi;
- c) tersedia untuk pihak yang berkepentingan yang relevan, mengikut kesesuaian.

Dasar perlu disampaikan dan digunakan dalam organisasi sebagaimana keperluan Standard ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 Klausa 5.2

(ISMS) Standard ISO/IEC 27001:2013

5.2 Dasar

Pengurusan atasan hendaklah menyediakan dasar keselamatan maklumat yang:

- a) sesuai dengan tujuan organisasi;
- b) merangkumi objektif keselamatan maklumat (rujuk 6.2) atau menyediakan rangka kerja untuk menetapkan objektif keselamatan maklumat;
- c) merangkumi komitmen untuk memenuhi keperluan keselamatan maklumat yang bersesuaian; dan
- d) merangkumi komitmen untuk terus menambah baik sistem pengurusan keselamatan maklumat.

Dasar keselamatan maklumat hendaklah:

- e) disediakan dalam bentuk dokumentasi;
- f) disampaikan dalam organisasi; dan
- g) diberikan kepada pihak berkepentingan, yang bersesuaian.

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti dimohon **mengambil perhatian** berhubung Dasar ISO UPM iaitu:

- 1. Dasar UPM (Sistem Pengurusan Kualiti) 2019** telah dibuat oleh LPU pada 10 Disember 2019;
- 2. Dasar UPM (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat) 2019** telah dibuat oleh LPU pada 10 Disember 2019;
- 3. tindakan PTJ untuk menyampaikan Dasar UPM terkini** ke Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.